

# Cadangan cap jari sebelum buang undi

B-H 6/02/07 6to1 M/S 5

## SPR rancang guna pengimbas tingkat ketelusan proses pilihan raya

Oleh Hassan Omar

**K**UALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), ber-cadang menggunakan alat pengimbas cap jari untuk semua pengundi dalam pilihan raya yang akan diadakan, sebagai antara kaedah meningkatkan ketelusan proses itu di negara ini.

Setiausaha SPR, Datuk Kamarulzaman Mohd Noor, berkata sistem itu memerlukan setiap pengundi melekapkan ibu jari pada pengimbas khas sebelum membuang undi, bagi membuktikan mereka sudah melaksanakan tanggung jawab masing-masing.

Katanya, penggunaan sistem itu dicadangkan kaedah alternatif sesuai digunakan bagi membuktikan sese-

orang pemilih sudah mengundi, sekali gus meningkatkan ketelusan proses pilihan raya serta kewibawaan SPR.

"Ia antara cadangan dikemukakan dalam mesyuarat yang diadakan SPR

**“** *SPR sedang mengkaji kesesuaian penggunaan alat pengimbas cap jari, terutama dari segi kos”*

**Kamarulzaman Mohd Noor**  
Setiausaha SPR

Disember lalu untuk mencari jalan meningkatkan lagi kecekapan pengendalian proses pilihan raya di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Antara cadangan lain dikemukakan ialah mewajibkan pengundi menandatangani buku daftar pemilih SPR sebagai pengesahan apabila mereka membuang undi pada setiap pilihan raya.

Kamarulzaman berkata, SPR sedang mengkaji kesesuaian penggunaan alat pengimbas cap jari itu, terutama dari segi kos kerana ia perlu disediakan di semua tempat pembuangan undi.

Beliau berkata, butiran terperinci cadangan itu termasuk kesesuaian dan keberkesanan penggunaannya

diperhalusi sebelum sebarang keputusan mengenainya dibuat.

Katanya, cadangan penggunaan pengimbas atau buku daftar itu sekali gus menolak syor pihak tertentu, terutama pembangkang supaya SPR menggunakan dakwat pada jari pengundi seperti diamalkan di India.

Sementara itu katanya, dalam mesyuarat sama, SPR turut memutuskan cadangan supaya setiap warganegara Malaysia berusia 21 tahun didaftarkan secara automatik sebagai pemilih tidak dapat dilaksanakan.

Katanya, SPR mendapati cadangan itu sukar dilaksanakan kerana tidak ramai anggota masyarakat yang membuat pertukaran alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) setiap kali mereka berpindah.